

Hujan lebat sejak pagi semalam menyebabkan kawasan rendah dinaiki air

Rawang, Ijok dilanda banjir kilat

Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD

KUALA LUMPUR – Seramai 157 penduduk dari 23 keluarga di tiga kawasan di daerah Gombak dan satu di daerah Kuala Selangor dipindahkan ekoran rumah mereka ditenggelami air selepas kejadian banjir kilat semalam.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, kawasan berkenaan ditenggelami air disebabkan hujan lebat yang mula melanda seawal pukul 11 pagi dan berlarutan sehingga pukul 5 petang.

“Lokasi yang terlibat adalah sekitar Jalan B27 antara pusat beli-belah Jusco Rawang ke persimpangan Country Homes yang ditenggelami air setinggi 0.5 meter (m) dan di bulatan Batu Arang (0.3m).

“Kawasan paling teruk ialah di Kampung Melayu Sri Kundang di Rawang melibatkan 88 orang daripada 15 keluarga yang dipindahkan ke dewan kampung

tersebut,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Sani berkata, hanya 69 penduduk daripada lapan keluarga di Kampung Sungai Serai, Kuang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan Sungai Serai sebelum dipindahkan sekali lagi ke Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Kesejahteraan Kampung (JKKK) Sungai Serai.

Sementara itu, Mohd. Sani turut memberitahu Kampung Harmoni, Ijok turut ditenggelami air setinggi 0.3m selepas dilanda hujan lebat sejak pukul 11 pagi semalam.

“Saluran parit yang sempit selain kerja-kerja pembersihan jalan di kawasan berhampiran menyebabkan air me-



HUJAN lebat yang berterusan sejak pagi hingga petang semalam menyebabkan beberapa kawasan rendah di Taman Rahmat Jaya, Kundang dilanda banjir kilat setinggi 0.5 meter.

limpah,” ujarnya.

Sehingga pukul 8 malam semalam, jumlah mangsa yang dipindahkan kekal.

Polis siap siaga jika CIQ Padang Besar beroperasi 24 jam

KANGAR – Polis negeri ini sedia untuk menambah anggota bagi mengawal sempadan Malaysia-Thailand di sini pada bila-bila masa andainya kerajaan memutuskan operasi pintu sempadan dibuka 24 jam.

Langkah melanjutkan operasi pintu sempadan itu telah mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-128 di Putrajaya pada Februari lepas.

Ketua Polis Perlis, Datuk Ab. Rashid Ab. Wahab berkata, ini termasuk persediaan meningkatkan lagi kawalan dan rondaan di lokasi-lokasi strategik.

“Kita tidak mempunyai masalah berhubung anggota kerana terdapat kem Pasukan Gerakan Am (PGA) di Padang Besar, cuma kita akan membuat pertambahan anggota di Kompleks Imigresen, Kuarantin dan Kastam (CIQ) Padang Besar.

“Kompleks itu memerlukan pertambahan anggota bagi keperluan beroperasi selama 24 jam kelak,” ujarnya.

Beliau berkata demikian sempena program lawatan ke Hospital Tuanku Fauziah di sini semalam.